

22/10/2002

Jangan ketepi semangat muafakat (HL)

Misiah Taib; Shamshul Azree Samshir; Jamiah Shukri; Mohd Anwar Patho SUBANG, Isnin - Parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak harus membuat keputusan bersendirian dan mengetepikan semangat muafakat yang menjadi asas kekuatan BN, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semua pihak tidak harus membuat keputusan awal kerana itu tidak menunjukkan imej BN yang selama ini bersama-sama membuat keputusan.

"Saya tidak kata keputusan itu mestilah macam ini. Dalam ucapan saya kepada kumpulan yang berkumpul pada hari itu di Stadium Bukit Jalil, saya kata capai keputusan yang mencerminkan pendirian. Itulah konsep BN.

"Kita bincang dalam BN. Kalau kita buat keputusan sendiri dan tidak ambil kira pendirian yang lain, nampak sangat BN itu kurang (semangat permuafakatan)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar sekembali dari lawatan kerja ke India, Pakistan dan Arab Saudi, di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini, malam ini.

Turut menyambut Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Razak.

Dr Mahathir mengulas laporan akhbar berhubung penentangan Jawatankuasa Pusat (CC) MCA dalam mesyuarat tertutupnya Jumaat lalu, menolak penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk subjek Sains dan Matematik kecuali bagi mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris sendiri.

Difahamkan, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, juga mencadangkan penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar kedua-dua subjek itu hanya bermula pada peringkat sekolah menengah.

Berikutan keputusan MCA itu, pelbagai pihak mendesak parti komponen berkenaan tidak membelakangkan semangat pemuafakatan dan kesetiaan yang selama ini menjadi teras kekuatan BN.

Dr Mahathir berkata, apa yang menarik perhatian masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia ialah keupayaan pelbagai kaum bersatu.

"Jadi kita patut buat keputusan secara bersama," katanya sambil menegaskan mesyuarat Dewan Tertinggi BN esok akan membincangkan perkara itu.

Sementara itu, Abdullah mengingatkan MCA agar tidak menjadikan keputusan jawatankuasa pusatnya mengenai isu bahasa Inggeris sebagai satu ugutan politik dalam mesyuarat esok.

Pada masa sama, Cuepacs pula mendesak kerajaan supaya tidak tunduk dengan tekanan politik, terutama daripada MCA berhubung pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di semua sekolah.

Timbalan Perdana Menteri berharap keputusan CC MCA mengenai pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris itu hanya sebagai pernyataan pandangan parti tetapi akan bersetuju dengan konsensus yang diputuskan komponen BN.

"Saya harap MCA tidak menggunakannya untuk mengugut BN, saya rasa mereka hanya menyatakan pendirian mereka," kata Abdullah kepada pemberita selepas merasmikan lawan web Yayasan Pendidikan Cheras, di sini petang ini.

Beliau ditanya mengenai kemungkinan keputusan CC MCA yang bermesyuarat dua hari lalu itu adalah cubaan 'ugutan politik' untuk mempengaruhi komponen BN lain supaya tidak melaksanakan dasar itu di sekolah rendah.

Abdullah yang juga Timbalan Pengerusi BN percaya gabungan itu tidak mempunyai masalah untuk mencapai kata sepakat kerana memang menjadi

tanggungjawab komponen parti bagi mencari persetujuan.

Sementara itu, Presiden Cuepacs Datuk N Siva Subramaniam berkata, kongres itu kesal isu pendidikan untuk masa depan negara dipolitikkan oleh pihak tertentu termasuk oleh parti politik yang berada dalam kerajaan.

"Amat penting bagi kerajaan menggubal dasar yang kukuh mengenai bahasa Inggeris demi kepentingan generasi sekarang dan masa depan," katanya kepada pemberita di Malam Kebudayaan Deepavali Kolej Utara 2002, di Ipoh malam tadi.

Siva berkata, rakyat Malaysia perlu menguasai bahasa Inggeris dengan baik supaya mampu menjadi lebih kompetitif.

"Kita perlu sedar kerana kerajaan memiliki keupayaan terbatas dalam menawarkan pekerjaan tetapi sektor swasta lebih gemar menawarkan pekerjaan kepada mereka yang menguasai bahasa Inggeris," katanya.

Di PORT DICKSON, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin turut mengingatkan pihak tertentu supaya tidak menyalahgunakan toleransi yang selama ini diamalkan kerajaan dalam menyelesaikan pelbagai isu berbangkit.

Beliau bimbang jika sesiapa menyalahgunakan sikap toleransi, ia akan membawa akibat buruk dan kerugian besar kepada negara.

"Sama ada bangsa Melayu, Cina atau India, apabila menyalahgunakan toleransi, mereka akan menghadapi masalah besar. Kita telah mencapai kemerdekaan 45 tahun dan rakyat berbilang kaum terus menikmati ketenteraman, kemakmuran dan keharmonian.

"Tetapi apabila kita cuba bertindak di luar kebiasaan, kita akan menghadapi masalah genting," katanya selepas merasmikan Karnival Permainan Pendidikan Khas 2002 peringkat kebangsaan di Padang Merdeka hari ini.

Abdul Aziz menegaskan, kerajaan ingin melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris demi kebaikan masa depan generasi muda negara.

"Kita ingin melaksanakan pengajaran ini kerana kita bertanggungjawab. Saya tetap berpegang dengan pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa masa depan anak-anak kita begitu mencabar dan pentingnya bahasa Inggeris diutamakan," katanya.